

Mahasiswa diberi maklumat perbuatan sihir

[Mohd Helmi Irwadi Mohd Nor](#) - September 17, 2018 @ 2:02pm
mohdhelmi@NSTP.com.my



SEBAHAGIAN mahasiswa mendengar taklimat pada Seminar Perubatan Islam di kampus UiTM Kuala Pilah, kelmarin. - Foto NSTP

KUALA PILAH: Seramai 200 mahasiswa dan kakitangan Universiti Teknologi Mara (UiTM) di negeri ini mengikuti Seminar Perubatan Islam bagi mendapatkan maklumat berkaitan amalan ilmu sihir di UiTM Kampus Cawangan Kuala Pilah di sini.

Disclaimer : Perpustakaan Tun Abdul Razak,UiTM

This material may be protected under Malaysia Copyright Act which governs the making of photocopies or reproductions or copyrighted materials. You may use the digitized materials for private study, scholarship or research.

Copyright©Berita Harian.All Right Reserved

Source: <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2018/09/474714/mahasiswa-diberi-maklumat-perbuatan-sihir>

Penolong Pegawai Bahagian Penyelidikan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS), Mohd Zamri Samsudin, seminar siri kelima itu turut mengundang penceramah dari Pusat Ruqyah Hijrah, Paroi, Dr Mohamad Husaini Razali.

Katanya, peserta diberi kefahaman mengenai perubatan Islam sebenar selain amalan ilmu sihir yang berlaku dalam kalangan umat Islam ketika ini

"Seminar selama dua jam ini berjaya menyedarkan mahasiswa supaya tidak mendapatkan perubatan tradisional yang terpesong daripada syariah Islam," katanya.

DISYORKAN UNTUK ANDA

Mohd Zamri berkata, pihaknya juga menjalankan rangkaian kerjasama antara JHEAINS dan UiTM bagi memerangi ilmu perubatan yang meragukan.

"Alhamdulillah, semua peserta mendapat input yang berguna dan JHEAINS bersungguh-sungguh mahu membasmi amalan ilmu sihir," katanya.

Sementara itu, Mohd Zamri menggesa sesiapa yang memiliki maklumat berkaitan ajaran sesat, khurafat, ilmu persilatan dan bomoh yang meragukan supaya menghubungi pihaknya di talian 06-6787160.